INTELEC2023

INNOVATIONS IN TEACHING & LEARNING COMPETITION

# Satu Imej, Seribu Mesej

## Penerapan Elemen Grafik dan Visual dalam Slaid untuk Pengajaran dan Pembelajaran Linguistik




## ABSTRAK


Penggunaan slaid telah lama diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran linguistik. Namun begitu, perkembangan teknologi multimedia kini telah membuka ruang kepada penciptaan slaid yang lebih kreatif dan interaktif, salah satunya dengan Canva. Penerapan elemen grafik dan visual seperti gambar, video, dan infografik di dalam slaid didapati mampu merangsang minat pelajar dan boleh membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan sesuatu pengajaran dengan efektif dan, terutamanya dalam konteks bidang linguistik yang biasanya berfokus kepada teks sebagai sumber utama dalam pengajaran.


## OBJEKTIF

- Menyediakan bahan pengajaran yang lebih menarik dan interaktif untuk meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran linguistik.
- Meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep-konsep linguistik yang kompleks melalui penggunaan elemen grafik dan visual dalam slaid.

## NILAI TAMBAH

Nilai tambah kaedah ini terletak pada penggunaan elemen grafik dan visual dalam menyampaikan sesuatu pengajaran. Antara elemen yang dimaksudkan ialah:


Imej


Video


Diagram


Infografik

## KEBOLEHGUNAAN

Slaid yang mengandungi elemen grafik dan visual seperti gambar, diagram, infografik, dan video dapat membantu pelajar memvisualisasikan konsep-konsep dalam linguistik yang kompleks. Penggunaan media seperti ini juga membantu pelajar untuk memahami dan menghafal dengan lebih baik. Slaid yang diberikan kepada pelajar bukan sahaja membantu semasa kuliah berlangsung, tetapi boleh digunakan sebagai rujukan pelajar pada sesi ulangkaji kendiri.

## POTENSI KOMERSIAL

Slaid dengan elemen grafik dan visual boleh dikembangkan untuk pembinaan modul atau e-buku yang menarik dan berkesan. Modul dan e-buku ini seterusnya boleh dipasarkan kepada pelajar-pelajar linguistik sebagai bahan rujukan mereka.

## PENGIKTIRAFAN

Pengiktirafan untuk inovasi ini hadir dalam bentuk komen pelajar pada akhir semester. Antaranya:

> *"slaid yang disediakan oleh Dr sepanjang kuliah sangat menarik dan mudah untuk kami fahami"*

> *"bahan bantu mengajar relevan dengan perkembangan zaman generasi Z"*

## AHLI KUMPULAN


DR. ZULFATI IZAZI ZULKIFLI





DR. NORSOFIAH ABU BAKAR

BAHAGIAN LINGUISTIK BAHASA MELAYU
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA